

Melaka laksana pemantauan berkala sistem saluran

Jasin: Semua sistem saluran air di Melaka akan dipantau secara berkala bagi mengelakkan ia terus dicemari bahan buangan industri atau haiwan ternakan.

Ketua Menteri, Adly Zahari, berkata ia termasuk di Sungai Tuang yang kerap tercemar dengan najis babi dari ladang ternakan di kawasan terbabit.

Justeru, katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Jabatan Veterinar negeri diminta melakukan pemantauan lebih kerap ke kawasan itu, sekali gus mengambil tindakan kepada penternak babi jika benar mereka melanggar peraturan ditetapkan.

"Pencemaran di Sungai Tuang itu berlaku secara berulang dan jika pemantauan kerap dibuat serta tindakan diambil ke atas penternak, saya yakin keadaan itu mungkin tidak berlaku," katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Daerah Jasin, di sini semalam.

Yang turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Hasim Ha-

san dan Pegawai Daerah Jasin, Datuk Anis Ali Hasan.

Beliau mengulas laporan *BH* berhubung dakwaan penduduk di Pengkalan Balak, Masjid Tanah, Alor Gajah, bahawa masalah pencemaran di Sungai Tuang akibat kumbahan najis babi tidak dirawat daripada ladang ternakan di Paya Mengkuang sudah berlarutan sejak lebih 60 tahun lalu.

Sementara itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Melaka akan menjalankan satu kajian khas berhubung pencemaran Sungai Tuang sama ada berpunca daripada kumbahan najis babi semata-mata atau sisa bercampur dari penempatan atau ladang ternakan lain dalam tempoh dua minggu lagi.

Pengarahnya, Dr Aidi Mohamad, berkata perlunya wujud satu kajian oleh agensi bertanggungjawab mengendalikan kajian berhubung dakwaan Sungai Tuang tercemar dan berwarna hitam daripada kumbahan najis babi.

Katanya, usaha itu mungkin akan dijalankan bersama dengan

pelbagai pihak, termasuk pakar penyelidik veterinar dari Jabatan Veterinar Putrajaya, Universiti Putra Malaysia (UPM) atau pihak perunding yang dilantik.

"Sepanjang sungai pencemaran disebabkan bermacam-macam perkara, boleh jadi dari ladang babi, mungkin daripada ternakan lain seperti lembu atau sisa penempatan orang kampung seperti sampah dan najis.

"Seperti isu lalat, ramai yang kata dari ladang ayam tetapi selepas disiasat, ia berpunca daripada sampah atau ladang kebun getah yang guna najis ayam," katanya ketika ditemui *BH*, di sini.

Dr Aidi berkata, pihak jabatan sudah berusaha sebaik mungkin melaksanakan penyelarasan dan penambahbaikan ladang ternakan babi di Paya Mengkuang, Pengkalan Balak di Alor Gajah.

"Selepas menguatkuasakan semula Enakmen Menternak Babi 1980, yang ditambah baik dengan garis panduan baharu iaitu Kaedah-Kaedah Pelesenan Penternak Babi (Negeri Melaka) 2014, segala



Perlu wujud satu kajian oleh agensi bertanggungjawab kendalikan kajian dakwaan Sungai Tuang tercemar dan berwarna hitam daripada kumbahan najis babi.

Aidi Mohamad,
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Melaka

aktiviti penternakan babi terkawal dan isu pencemaran jauh lebih kurang.

"Ikutkan Sungai Tuang memang hitam, pekat dan penduduk sering merungut. Selepas penguatkuasaan dilaksanakan pada 2015, baru populasi dan pelepasan air kumbahan najis ke kolam dan sungai, dapat dikawal," katanya.

Dr Aidi berkata, setakat ini, sebanyak 35 ladang ternakan babi sudah dilesenkan dan mengikut garis panduan baharu itu, termasuk sistem biosekuriti, sistem kumbahan teratur dengan minimum empat kolam, dan pemantauan ke kolam terakhir sebelum ke parit dan sungai, sekurang-kurangnya dua kali setahun.

"Untuk tahun ini, satu penternak ladang dikenakan notis supaya menambah baik dan menyelenggara kolam berikutan kita mengesan kualiti kolam berada lebih daripada dibenarkan iaitu lebih 50ppm BOD. Selepas diarah untuk menyelenggara kolam kualiti kembali kepada 21ppm BOD," katanya.